

# **HAJI MUHAMMAD SA'ID BIN JAMALUDDIN AL-LINGGI: AMALAN DAN SUMBANGANNYA DALAM PERKEMBANGAN TAREKAT AHMADIYYAH DI MALAYSIA**

Oleh  
Che Zarrina Sa'ari

## **Abstract**

*This article attempts to gather information about Haji Muhammad Sa'id bin Jamaluddin al-Linggi who was known as Sufi in Malay world. He played a vital role in introducing and developing the Ahmadiyyah Order in Negeri Sembilan, Kelantan and several other places.*

## **PENDAHULUAN**

Alam Melayu kaya dengan para ulamanya yang muncul silih berganti di sepanjang zaman. Mereka dikenali kerana mempunyai kehebatan tersendiri dalam bidang masing-masing seperti bidang tafsir, hadith, akidah, fekah, tasawuf dan sebagainya. Pendidikan yang dijalani oleh mereka berbeza di antara satu sama lain. Walau bagaimanapun, ramai dari mereka telah mendapat pendidikan dari para ilmuan Melayu terdahulu samada yang berada di tanah air mahupun yang menetap Timur Tengah seperti Kota Mekah. Ramai juga di kalangan mereka yang mendapat pendidikan terus dari ulama-ulama Timur Tengah yang mengajar di Kota Mekah, Madinah dan juga Mesir.

Pada akhir kurun ke 19M. dan awal kurun ke 20M., seorang tokoh ulama Melayu telah muncul di tengah-tengah kelompok ulama Melayu di Tanah Melayu. Beliau ialah Haji Muhammad Sa'id bin Jamaluddin al-Linggi seorang tokoh ilmuan yang tidak dapat dipisahkan dari tasawuf khususnya di Tanah Melayu. Beliau bertanggungjawab memperkenalkan dan menyebarkan Tarekat Ahmadiyyah di Tanah Melayu.

## **HAJI MUHAMMAD SA'ID**

Haji Muhammad Sa'id atau nama penuhnya Syeikh Haji Muhammad Sa'id bin Haji

Jamaluddin bin Haji Idris dilahirkan pada hari Sabtu 3 atau 4 haribulan Sha'ban 1292H./1875M. di sebuah kampung bernama Syi'ib 'Alī di Mekah.<sup>1</sup> Ketika beliau dilahirkan, bapanya berada di Tanah Melayu kerana tugas mengajar agama kepada masyarakat Islam di sana. Buat sementara waktu, beliau telah dijaga oleh ibu dan neneknya Hajjah Mariam.<sup>2</sup>

Bapanya, Sheikh Jamaluddin bin Idris al-Linggi (1835-1888M.) adalah seorang ulama terkenal di Tanah Melayu yang berasal dari Negeri Sembilan. Beliau telah diberi kepercayaan untuk mengajar di Masjid al-Haram di Makkah ketika beliau menetap di sana. Bapanya merupakan seorang yang berhemah tinggi dan zuhud sehingga ketika meninggal dunia pada tahun 1305H., beliau dikatakan tidak memiliki satu dirham pun. Namun begitu, beliau seringkali digambarkan sebagai seorang yang berjaya menghasilkan ramai tokoh ulama Melayu yang masyhur. Nenek di sebelah bapanya, iaitu Hajjah Rahimah bin Khatib Musa bin 'Amiluddin bin Awaluddin @ Dato' Awal bin Faqih @ Daeng Abdul Malik ialah seorang wanita yang terkenal dengan kealimannya.<sup>3</sup> Beliau dikatakan berketurunan campuran Minangkabau-Bugis. Kenyataan ini disokong oleh pendapat yang mengatakan bahawa isteri Khatib Musa, Zalikha adalah anak seorang pembesar di Kampung Semabuk, Minangkabau. Pada sekitar tahun 1783M., datuk Khatib Musa iaitu Awaluddin telah meneroka daerah Linggi, Negeri Sembilan.<sup>4</sup>

Datuk sebelah bapanya pula bernama Haji Idris bin Abdul Mu'min yang telah menghabiskan separuh dari masa hidupnya di Kota Mekah dengan tujuan menuntut ilmu agama. Nama penuh beliau ialah Haji Idris bin Abdul Mu'min Linggi bin Syeikh Muhammad Nakhoda Minangkabau bin Ahmad bin Umar bin Saleh bin Abdullah bin Abbas. Moyangnya Abdullah bin Abbas dikatakan berasal dari Hadramaut. Oleh kerana nasab keturunan Haji Idris sampai kepada Abdullah bin Abbas, maka ada pendapat yang mengatakan bahawa Haji Muhammad Sa'id sebenarnya berketurunan 'Abd Allāh bin 'Abbās r.a. yang merupakan sepupu Rasulullah s.a.w.<sup>5</sup>

---

<sup>1</sup> Ahmad bin Muhammad Sa'id al-Linggi, *Majmū'*, Singapura, 1952, hlm. 18.

<sup>2</sup> *Majmū'*, hlm. 18.

<sup>3</sup> *Ibid*, hlm. 12.

<sup>4</sup> *Majmū'*, hlm. 13-14.

<sup>5</sup> *Ibid*, hlm. 13-14; Lihat Dr. Mohd. Nur Manuti dan Hj. Hassan Salleh, "Tuan Mufti as-Syeikh al-Haj Ahmad bin Muhammad Sa'id al-Dandarawi," kertas kerja dalam *Cenderamata: Memperingati Tokoh Ulama Silam ke-V*, anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1980; Abdul Ghani Sa'id, *7 Wali Melayu*, Mahboob Publication, Kuala Lumpur, 1998, hlm. 77-78.

Haji Muhammad Sa'id: Amalan dan Sumbangannya Dalam Perkembangan Tarekat Ahmadiyah

Ibu Haji Muhammad Sa'id iaitu Hajjah Sofiah juga datang dari keluarga ulama besar yang berasal dari Patani, Selatan Thailand. Beliau adalah seorang guru al-Qur'an semasa berada di Mekah dan di Patani. Beliau telah berjaya melahirkan ramai qari dan qari'ah sebelum meninggal pada 12 Rabi' al-Thani 1352H., ketika mencapai usia 81 tahun.<sup>6</sup> Manakala datuk sebelah ibunya, iaitu Haji Muhammad Saleh al-Fatani adalah seorang guru pondok terkenal pada zamannya. Beliau berkahwin dengan Hajjah Mariam yang turut terkenal dengan kewarakannya. Bapa Hajjah Mariam, Sheikh Abdul Rashid al-Fatani juga seorang tokoh ulama yang masyhur.<sup>7</sup> Apa yang dapat disimpulkan ialah Haji Muhammad Sa'id al-Linggi sebenarnya lahir dari kalangan keluarga alim ulama Melayu terkemuka.

Haji Muhammad Sa'id digambarkan sebagai seorang yang tampan, memiliki wajah bersih yang berseri-seri dengan cahaya keimanannya. Malahan dikatakan bahawa tidak semua orang mampu menatap tepat ke wajah beliau kerana sinarannya yang gemilang.<sup>8</sup> Beliau turut digambarkan sebagai seorang zahid yang tidak pernah mementingkan dunia, harta benda, pangkat serta kedudukan. Beliau bersifat qana'ah, mudah memberi maaf, bertawakkal, bertakwa dan amat pintar. Sifat-sifat mulia lagi terpuji ini dimiliki beliau semenjak masih kecil lagi dan dengan hati yang suci bersih, Haji Muhammad Sa'id lahir sebagai seorang yang bersakhshiah mulia, berjaya dalam kepimpinan dan mempunyai ramai pengikut.<sup>9</sup>

Haji Muhammad Sa'id mempunyai sembilan orang isteri yang dikahwininya dari pelbagai negeri dan pada masa yang berlainan. Beliau telah dikurniakan tiga puluh dua orang anak hasil dari perkahwinan tersebut.

## PENGAJIAN HAJI MUHAMMAD SA'ID

Pada tahun 1882M., semasa berusia tujuh tahun, Haji Muhammad Sa'id kembali ke Patani bersama ibu dan neneknya.<sup>10</sup> Beliau menetap di sana sehingga mencapai umur

---

<sup>6</sup> Ahmad bin Muhammad Sa'id al-Linggi, *Kanz al-Mu'id*, Maṭba'ah al-Aḥmadiyah, Singapura, t.t., hlm. 11-12.

<sup>7</sup> *Ibid.*, hlm. 11-12.

<sup>8</sup> Gambaran ini telah diceritakan oleh seorang murid beliau iaitu Hajjah Wan Salamah yang kini telah pun meninggal dunia. Hajjah Wan Salamah sempat bertemu muka dengan Haji Muhammad Sa'id di Kelantan. Pada waktu itu Hajjah Salamah masih lagi di peringkat usia kanak-kanak.

<sup>9</sup> Abdul Ghani Sa'id, *op. cit.*, hlm. 82.

<sup>10</sup> *Kanz al-Mu'id*, hlm. 18; *Majmū'*, hlm. 12.

tujuh belas tahun.<sup>11</sup> Ada juga pendapat yang menyatakan beliau menetap di Patani sehingga berusia dua belas tahun sahaja.<sup>12</sup> Selepas itu beliau mulai mempelajari pelbagai ilmu agama seperti ilmu fiqh, ilmu usuluddin, tasawuf, nahu dan sebagainya. Walaubagaimana pun, dijangkakan kemungkinan besar usia beliau mulai belajar agama adalah ketika berusia dua belas tahun dan bukannya semasa berusia tujuh belas tahun kerana ia sudah di anggap berumur dan agak terlewat untuk memulakan pembelajaran asas.

Haji Muhammad Sa'id telah menimba pelbagai ilmu agama daripada guru-guru dari sekitar Asia Tenggara termasuk Sheikh Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani atau dikenali sebagai Tuan Minal, Haji Awang atau Tuan Semela atau digelar juga dengan nama Dato' Semela dan Sheikh Muhammad Nuh yang dikenali sebagai Dato' Nahu.<sup>13</sup> Kesemua guru-guru beliau ini kecuali Tuan Minal, adalah bekas anak murid moyang Haji Muhammad Sa'id iaitu Haji Abdul Rashid al-Fatani.

Kemudiannya ketika berusia tujuh belas tahun, beliau berangkat semula ke Kota Mekah untuk menimba ilmu pengetahuan daripada ulama-ulama terkenal di sana.<sup>14</sup> Haji Muhammad Sa'id dikatakan belajar kepada lebih lima puluh orang guru, antaranya yang masyhur ialah Sheikh Ḥasb Allāh al-Makkī, Sheikh Muḥammad Nawāwī al-Bantānī yang terkenal dengan panggilan Nawāwī Kedua, Sayyid Bakrī Shatā, Sheikh Ahmad al-Manshawī, Sheikh 'Umar Barakat al-Shāmī iaitu murid Ibrāhīm al-Baijūrī, Sheikh Muḥammad Sa'id Basīl iaitu mufti dari mazhab Shāfi'i di Mekah, Sheikh Zain al-Dīn al-Sambawī<sup>15</sup> serta Sheikh Muḥammad Yūsuf Khayyāt, Sheikh 'Umar bin 'Abū Bakr Bā Junaid, Ustaz Muḥammad Sa'id al-Yamānī, Sheikh Ahmad Khatib dan Sheikh Wan Ali al-Kelantani serta Sheikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani. Hasil pengajian beliau dengan para ulama tersebut, beliau diberi kepercayaan dan diijazahkan untuk mengajar orang ramai.<sup>16</sup>

Ketika berada di Mekah, Haji Muhammad Sa'id pernah ke Madinah dengan berjalan kaki untuk menziarahi makam Rasulullah s.a.w.. Semasa di Madinah, beliau sempat berguru dengan Sayyid Ja'far al-Barzanjī yang merupakan seorang mufti dari mazhab Shāfi'i. Kemudiannya beliau meneruskan perjalanan ke Bait al-Maqdis dan akhirnya ke Mesir di mana beliau diminta mengajar kitab seperti *Sharḥ al-Maḥallī* dan

---

<sup>11</sup> *Ibid.*, hlm. 12.

<sup>12</sup> *Ibid.*, hlm. 18.

<sup>13</sup> *Ibid.*, hlm. 19; *Majmū'*, hlm. 87-88.

<sup>14</sup> *Ibid.*, hlm. 19.

<sup>15</sup> *Ibid.*, hlm 20; *Majmū'*, hlm. 88.

<sup>16</sup> *Kanz al-Mu'id*, hlm. 20-21, *Majmū'*, hlm. 89.

Haji Muhammad Sa'id: Amalan dan Sumbangannya Dalam Perkembangan Tarekat Ahmadiyyah  
*Jamī' al-Jawāmi'*. Haji Muhammad Sa'id juga pernah belajar di Universitas al-Azhar dan sempat berguru dengan beberapa ulama terkenal seperti Sheikh al-Azhar, iaitu Sheikh al-Rifā'ī, seorang ulama dari mazhab Mālikī. Beliau turut belajar kepada Sheikh Shams al-Dīn al-Bayānī bagi mendalami kefahaman tentang ilmu fiqh berdasarkan empat mazhab utama.<sup>17</sup>

## PENGIJAZAHAN TAREKAT AHMADIYYAH

Setelah berada di Mesir selama lapan bulan, Haji Muhammad Sa'id akhirnya kembali semula ke Mekah untuk mengajar orang ramai. Pada masa itulah, beliau berguru dengan Sheikh Muhammad bin Ahmad al-Dandarāwī yang ketika itu sudah terkenal sebagai pemimpin Tarekat Ahmadiyyah di Mekah. Beliau kemudiannya diijazahkan Tarekat Ahmadiyyah tersebut oleh Sheikh Muhammad. Kitab *Kanz al-Mu'id* mencatatkan:

Sehingga berhimpunlah ia [Sheikh Muhammad Sa'id] dengan Imam yang *Rabbānī*, *Khāṭib* yang *Samadānī* yang mempunyai Tarekat Ahmadiyyah al-Rashidiyyah Ḥadrah al-Sayyid Muhammad bin Ahmad al-Dandarāwiyyah r.a., maka menerimalah ia [Sheikh Muhammad Sa'id] daripadanya akan Tarekat Ahmadiyyah.<sup>18</sup>

Haji Muhammad Sa'id dikatakan telah menerima ijazah tarekat tersebut pada penghujung tahun 1318H bersamaan pertengahan April 1901M. Beliau kemudiannya diizinkan oleh gurunya untuk mengajar dan mengembangkan tarekat tersebut kepada orang ramai. Namun demikian, beliau masih ingin meneruskan pengajiannya dan bercadang untuk kembali ke Mesir bagi menuntut ilmu. Walau bagaimanapun, niat beliau telah dihalang oleh gurunya dengan berkata:

Kalau engkau ke Mesir lagi selama tiga puluh tahun pun engkau tidak akan memperolehi apa yang engkau inginkan dan oleh kerana itu lebih baik engkau kembali ke tanah air dan apa-apa yang engkau inginkan itu akan tercapai semuanya.<sup>19</sup>

Haji Muhammad Sa'id telah mengambil iktibar dari nasihat gurunya, dan tidak lama kemudian, apabila usianya belum lagi mencapai tiga puluh tahun, beliau dihantar oleh gurunya al-Dandarāwī kembali ke Tanah Melayu dengan tujuan untuk

---

<sup>17</sup> *Ibid.*, hlm. 89-91; *Kanz al-Mu'id*, hlm. 22-23.

<sup>18</sup> *Ibid.*, hlm. 23.

<sup>19</sup> *Ibid.*, hlm. 23.

melaksanakan cita-cita pimpinan Tarekat Ahmadiyah bagi menyebarkan ajaran tarekat tersebut serta mengajar ilmu-ilmu syariah dan hakikat.<sup>20</sup>

## SUMBANGAN HAJI MUHAMMAD SA'ID TERHADAP MASYARAKAT DI NEGERI SEMBILAN

Haji Muhammad Sa'id dipercayai sampai ke Malaysia selepas tahun 1900 atau di sekitar tahun 1901M.<sup>21</sup> Beliau pulang ke Negeri Sembilan dan menetap di Ampangan, Seremban. Kepulangan beliau ke negeri asalnya adalah dengan tujuan untuk menyebarkan ilmu agama, mentarbiah masyarakat, berdakwah ke jalan Allah dan memperkenalkan amalan Tarekat Ahmadiyah sebagaimana yang diterima dari gurunya, Sheikh Muhammad al-Dandarāwi. Pada mulanya Haji Muhammad Sa'id lebih menumpukan pengajarannya di Negeri Sembilan. Beliau berusaha menghakis perbuatan *bid'ah*, khurafat dan amalan-amalan adat yang bertentangan dengan ajaran Islam.<sup>22</sup> Beliau sangat kuat mempertahankan pegangan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah daripada dicemari oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab mengemukakan perbuatan-perbuatan *bid'ah*.<sup>23</sup> Sebagaimana yang dihadapi oleh ulama-ulama yang lain, beliau juga tidak terlepas daripada fitnah-fitnah yang dilemparkan oleh masyarakat setempat. Namun beliau tetap tabah dalam menghadapi tohmahan tersebut.

Hasil dari kesabaran beliau, Haji Muhammad Sa'id telah menerima ramai pengikut setia dari merata tempat yang terdiri dari orang-orang penting dalam masyarakat dan juga orang awam. Beberapa tahun kemudian, Haji Muhammad Sa'id telah mendirikan pondok pengajian di Kampung Ampangan untuk menampung pengajian murid-murid sepenuh masanya yang semakin ramai. Institusi pengajian dalam bentuk pondok yang diperkenalkan oleh Haji Muhammad Sa'id ini adalah dipercayai sebagai yang pertama pernah dijalankan di Negeri Sembilan. Pengajian pondok kendalian beliau ini berjalan lancar dan mendapat sambutan hangat, bukan

---

<sup>20</sup> *Majmū'*, hlm. 89-91; *Kanz al-Mu'id*, hlm. 22-23.

<sup>21</sup> Menurut Muhammad Sa'id bin Jamaluddin al-Linggi, bahawa beliau menerima ijazah Tarekat Ahmadiyah daripada Sheikh Muhammad al-Dandarāwi pada tahun tahun 1900. Oleh itu penulis menganggap beliau memang kembali ke tanah air selepas tahun 1900 selepas diijazahkan oleh al-Dandarāwi. Lihat *al-Ahzāb al-'Urfāniyyah wa al-Awrād al-Nūriyyah*, Muhammad Sa'id bin Jamaluddin al-Linggi, t.p., t.t., hlm. 199

<sup>22</sup> Penulis pernah mengunjungi pusat kegiatan tarekat tersebut di Ampangan, Seremban pada tahun 1980-an.

<sup>23</sup> *Kanz al-Mu'id*, hlm. 33.

Haji Muhammad Sa'id: Amalan dan Sumbangannya Dalam Perkembangan Tarekat Ahmadiyyah sahaja dari masyarakat di Negeri Sembilan tetapi juga dari negeri-negeri lain.<sup>24</sup> En. Muhammad bin Abu Bakar<sup>25</sup> mengungkapkan:

Pelajar pondok ini datang dari merata tempat tetapi bilangannya sederhana sahaja dalam lingkungan enam puluh orang murid yang tinggal tetap, kerana Tuan Sheikh Sa'id lebih banyak keluar mengajar orang ramai dan memimpin amalan tarekat.<sup>26</sup>

Haji Muhammad Sa'id sering keluar memberi kuliah di masjid-masjid dan surau terutamanya pada waktu malam. Antara tempat yang sering dikunjungi oleh beliau ialah daerah Linggi, rembau dan Port Dickson.<sup>27</sup> Beliau dikatakan mempunyai ramai murid-murid yang datang mendengar pengajarannya dan tidak ketinggalan juga mereka yang mengikuti beliau sebagai pengikut Tarekat Ahmadiyyah.

### **SUMBANGAN HAJI MUHAMMAD SA'ID KEPADA MASYARAKAT DI LUAR NEGERI SEMBILAN**

Setelah Haji Muhammad Sa'id berjaya mengembangkan ilmu dan pengaruhnya di kalangan masyarakat Islam di Negeri Sembilan, beliau kemudiannya memulakan perjalanannya mengembara ke beberapa buah negeri di Tanah Melayu bagi menunaikan amanah gurunya al-Dandarāwī. Beliau dikatakan telah mengunjungi kira pada tahun 1905M. dan menginap di rumah Haji Awang Alim yang terletak di Jalan Atas Banggol, Kota Bharu berhampiran Masjid Muhammadi.<sup>28</sup> Beliau telah mengahwini anak Haji Awang Alim, iaitu Hajjah Wan Safiah. Tarikh kedatangan

---

<sup>24</sup> Abdul Ghani Sa'id, *op. cit.*, hlm. 81-82.

<sup>25</sup> Menurut catatan Abdul Ghani Sa'id, En. Muhammad bin Abu Bakar adalah salah seorang murid Haji Muhammad Sa'id dan pernah berkhidmat sebagai khadam beliau selama lebih lima belas tahun. En. Muhammad bin Abu Bakar dilahirkan pada tahun 1887 di Kuala Pilah, Negeri Sembilan dalam keluarga India Muslim yang taat beragama. Ibunya berasal dari Kerala, India Selatan dan berhijrah ke Tanah Melayu bersama-sama pedagang dari India pada penghujung kurun ke 18M. Beliau berkhidmat sebagai khadam dan turut belajar pelbagai ilmu dari Haji Muhammad Sa'id serta menjadi pengikut Tarekat Ahmadiyyah. Lihat *ibid.*, hlm. 85-86.

<sup>26</sup> Catatan yang dibuat oleh Abdul Ghani Sa'id, *ibid.*, hlm. 81.

<sup>27</sup> *Ibid.*, hlm. 82.

<sup>28</sup> Kisah kedatangan Haji Muhammad Sa'id ke Kota Bharu dan menumpang di rumah Haji Awang Alim sering kali disebut oleh golongan tua seperti Hajjah Salamah yang baru meninggal pada tahun 1985M.

beliau ke Kelantan dikira tepat kerana ianya disokong sendiri oleh Haji Ahmad bin Muhammad Salleh iaitu salah seorang cucu beliau yang tinggal di Sendayan, Negeri Sembilan.<sup>29</sup>

Ajaran tarekat yang diperkenalkan oleh Haji Muhammad Sa'id telah mendapat sambutan mengalakkan dari masyarakat setempat. Tetapi apabila ramai pengikutnya mula mengalami *jadhbah* atau *majdhub* dalam masa yang singkat, timbul kegemparan mengenai ajaran yang disampaikan oleh beliau<sup>30</sup> sehingga perkara ini dibawa ke pengetahuan Sultan Kelantan. Baginda mengambil langkah dengan mengirimitkan sepucuk surat kepada Haji Wan Ahmad Zain al-Patani seorang ulama terkenal yang menjadi guru Haji Muhammad Sa'id ketika di Mekah, meminta fatwa tentang ajaran itu.<sup>31</sup> Antara isi surat baginda ialah:<sup>32</sup>

... telah jatuh di dalam negeri sahaya satu pekerjaan yang pelik, tiada pernah jatuh lagi dahulunya iaitu datang seorang nama Haji 'Id bin Jamaluddin Linggi ke Kelantan mengajarkan ilmu tarekat Ahmadiyyah ....

Bagi menjawab persoalan Sultan Kelantan itu, Haji Wan Ahmad telah mengemukakan sepucuk surat yang panjang lebar menerangkan tentang masalah tersebut termasuk menghuraikan tingkatan *jadhbah*. Sebagai kesimpulannya, ulama terkenal itu hanya menyatakan bahawa sekiranya Allah menghendaki perkara tersebut berlakunya, maka ia mungkin terjadi. Beliau sendiri mengakui pernah mengikut ajaran Tarekat Ahmadiyyah, tetapi belum pernah merasai *jadhbah* seperti yang dirasai oleh pengikut Haji Muhammad Sa'id.<sup>33</sup> Berdasarkan catatan Wan Muhammad Saghir Abdullah, peristiwa tersebut berlaku pada tahun 1323H./1917M.<sup>34</sup>

Hamdan Hassan, penulis buku *Tarekat Ahmadiyyah di Malaysia*, berdasarkan surat Sultan Kelantan tersebut menyatakan Haji Muhammad Sa'id boleh dianggap sebagai orang pertama menyebarkan Tarekat Ahmadiyyah kepada masyarakat Islam

---

<sup>29</sup> Temubual dengan beliau di Kota Bharu, Kelantan ketika beliau berkunjung ke sana pada tahun 1984 untuk menyambung tugas-tugas datuknya Muhammad Sa'id. Kini beliau telah pun meninggal dunia.

<sup>30</sup> Nik Abdul Aziz, *op. cit.*, hlm. 7, 14. Almarhumah Hajjah Salmah juga menceritakan kejadian-kejadian *majdhub* sehingga ada di antara mereka yang melambung tinggi ke udara ketika sedang berzikir.

<sup>31</sup> *Kanz al-Mu'id*, hlm. 20.

<sup>32</sup> Salinan surat Raja Kelantan boleh dilihat di dalam *al-Fatāwā al-Fatāniyyah*, Ahmad bin Muhammad Zain bin Mustapha al-Patani, Siam, 1957M./1377H., hlm. 179-180.

<sup>33</sup> *Ibid.*, hlm. 184.

<sup>34</sup> Wan Muhammad Saghir Abdullah, *op. cit.*, hlm. 133.



Kelantan, khususnya di Kota Bharu. Ini kerana kemungkinan bentuk ajaran dan amalan tarekat tersebut masih belum dikenali secara meluas pada masa itu di Kelantan dan kerana nama Tarekat Ahmadiyyah masih belum digunakan atau belum dikenali masyarakat pada waktu itu.<sup>35</sup> Walau bagaimanapun, pandangan beliau bahawa masyarakat Kelantan belum mengenali Tarekat Ahmadiyyah secara meluas atau pun tentang Haji Muhammad Sa'id adalah orang pertama yang menyebarkan tarekat itu kepada masyarakat umum boleh dipertikaikan lagi. Masyarakat Kelantan khususnya Kota Bharu sudah pun diperkenalkan dengan ajaran tersebut,<sup>36</sup> tetapi menggunakan suatu nama lain iaitu Tarekat Rasyidi dan bukannya Ahmadiyyah.<sup>37</sup> Begitu juga, kemungkinan besar, Haji Muhammad Sa'id bukanlah orang pertama menyebarkan ajaran Tarekat Ahmadiyyah di Kelantan, malahan orang yang memulai penyebaran ajaran tersebut ialah Haji Abdul Samad bin Muhammad Salleh (Tuan Tabal). Hamdan Hassan sendiri tidak menafikan kemungkinan tersebut, tetapi beliau menyatakan tarekat itu mungkin hanya untuk diamalkan sendiri oleh keluarga dan murid-muridnya, dan bukannya untuk disebarkan kepada masyarakat umum. Namun begitu, catatan sejarah menunjukkan bahawa Tuan Tabal mempunyai ramai anak murid yang datang dari seluruh pelusuk negeri Kelantan dan dari pelbagai tingkatan masyarakat.<sup>38</sup> Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa Abdul Samad atau Tuan Taballah orang pertama menyebarkan ajaran Tarekat Ahmadiyyah. Walau bagaimanapun, Haji Muhammad Sa'id telah memberikan sumbangan yang tidak terkira nilainya dalam perkembangan tarekat tersebut di Negeri Kelantan. Tambahan pula apa yang dibawanya masih diteruskan oleh sebilangan masyarakat negeri tersebut sehingga ke hari ini.<sup>39</sup>

Haji Muhammad Sa'id juga turut menjelajah beberapa kawasan lain seperti Singapura, Patani, Ayuthia dan juga Kampuchea. Beliau dikatakan pernah berkahwin dengan seorang gadis dari Ayuthia. Selain itu, sehingga ke hari ini masih terdapat sebuah masjid yang diasaskan oleh Haji Muhammad Sa'id sendiri yang diberi nama

---

<sup>35</sup> Hamdan Hassan, *Tarekat Ahmadiyyah di Malaysia: Suatu Analisa Fakta Secara Ilmiah*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1990, hlm. 61.

<sup>36</sup> Nik Abdul Aziz, *op. cit.*, hlm. 14.

<sup>37</sup> Hamdan Hassan, *op. cit.*, hlm. 61-62.

<sup>38</sup> Nik Abdul Aziz, *op. cit.*, hlm. 14. Temubual dengan Ustaz Yahya Abdul Salam, salah seorang pengamal Tarekat Ahmadiyyah, di rumahnya di Lorong Tok Semian pada 26hb. Disember 1992.

<sup>39</sup> Lihat perbincangan mengenai teori kemasukan dan perkembangan Tarekat Ahmadiyyah di Kelantan dalam Che Zarrina Sa'ari, "Perkembangan Tarikat Ahmadiyyah di Kelantan Darul Naim," *Jurnal AFKAR*, Bil. 2, Jun 2001, hlm. 61-86.

Masjid Haji Jamaluddin, bersempena nama bapanya sendiri.<sup>40</sup> Malahan terdapat pandangan-pandangan yang menyatakan bahawa beliau pernah mengislamkan seorang Raja Siam yang memerintah pada masa itu. Kenyataan ini telah dijelaskan oleh Abdul Ghani Sa'id.<sup>41</sup>

Setelah menjelajah ke beberapa tempat untuk mengembangkan ilmunya, Haji Muhammad Sa'id telah kembali ke Negeri Sembilan dan kemudiannya meninggal dunia di Ampangan, Seremban pada tahun 1345H. bersamaan 1926M. Setakat yang dapat ditelusuri, beliau dikatakan telah meninggalkan khazanah ilmu dalam bentuk penulisan sebanyak tujuh buah, antaranya ialah *Risālah al-Fawā'id*, *Syarḥ Kunūz al-Jawāhir al-Nūriyyah*, *Sullam Ta'rif fī 'Ilm al-Taṣrīf*, *Risālah al-Faṭḥ*, *al-Kashf wa al-Mafīs 'an Ashāb Sayyidi Aḥmad ibn Idrīs*.<sup>42</sup>

Haji Muhammad Sa'id yang dikatakan pernah berkahwin sebanyak 9 kali telah meninggalkan 3 orang balu dan 16<sup>43</sup> atau 17 orang anak.<sup>44</sup> Melalui usaha gigih anak-anaknya, Tarekat Ahmadiyyah semakin berkembang, antaranya ke Melaka, Johor dan Singapura serta masih diamalkan sehingga ke hari ini. Apabila beliau meninggal dunia, anaknya Haji Abdullah bin Haji Muhammad Sa'id telah dilantik sebagai peneraju Tarekat Ahmadiyyah. Beliau yang dilahirkan pada tahun 1905M. menetap di Ampangan, Seremban dikatakan tidak begitu melibatkan diri secara meluas dengan penyebaran tarekat tersebut, malahan banyak memberi tugas kepimpinan kepada adiknya Haji Ahmad bin Haji Muhammad Sa'id. Beliau hanya mengajar murid dalam lingkungan 10 hingga 15 orang sahaja. Pada tahun 1956M., iaitu selepas kematian Haji Abdullah, pimpinan tarekat telah berpindah kepada Haji Ahmad.

Haji Ahmad dilahirkan di Kampung Ampangan, Seremban pada hari Rabu 25hb Rabi' al-Awwāl tahun 1328H bersamaan 1910M.<sup>45</sup> Beliau seorang yang alim dan menguasai pelbagai bidang ilmu pengetahuan hasil didikan neneknya Hajjah Safiah Haji Saleh dan bapanya Haji Muhammad Sa'id.<sup>46</sup> Pada tahun 1926M., beliau meneruskan pengajiannya ke Mekah dan mempelajari ilmu akidah, syariat dan juga bahasa Arab daripada ulama-ulama Mekah. Hasil kepintaran beliau, Haji Ahmad telah

<sup>40</sup> Hamdan Hassan, *op. cit.*, hlm. 62-63.

<sup>41</sup> Abdul Ghani Sa'id, *op. cit.*, hlm. 75.

<sup>42</sup> *Ibid.*, hlm. 83.

<sup>43</sup> Sebagaimana dinyatakan dalam *Majmū'*, hlm. 104.

<sup>44</sup> Sebagaimana dinyatakan dalam Abdul Ghani Sa'id, *op. cit.*

<sup>45</sup> Hassan Saleh & Muhammad Nor Manuti, *op.cit.*, hlm. 4.

<sup>46</sup> Kepintaran beliau telah diperbincangkan dengan panjang lebar dalam tulisan Hassan Saleh dan Muhammad Nor Manuti, *Ibid.*, hlm. 5.

diberi kepercayaan untuk mengajar pada waktu-waktu tertentu.<sup>47</sup> Pada tahun 1934M., Haji Ahmad kembali ke tanah air dan mendirikan sebuah pondok pengajian agama yang terletak di Kampung Rasah, Seremban. Pondok tersebut diberi nama Madrasah al-Sa'idiyyah dan penubuhannya adalah bertujuan seperti berikut:

... Dan tujuan didirikan ini madrasah ialah semata-mata bagi menghamburkan setengah daripada pengajaran yang bergantung dengan agama oleh mereka yang mengejar padanya dan menunjukkan akan manusia pada jalan Allah Ta'ala setengah daripada barang yang mengandungi ia makna menyuruh akan mereka itu kepada makruf dan mencegah mereka itu daripada mengerjakan yang mungkar.<sup>48</sup>

Pada tahun 1950M., Haji Ahmad telah dilantik menjadi mufti Negeri Sembilan. Pelantikan ini merupakan suatu penghormatan kepada ahli tarekat secara umumnya dan ahli Tarekat Ahmadiyah secara khusus. Di samping itu beliau turut menjawat jawatan Yang Dipertua Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan sehingga sekitar tahun 1964M.<sup>49</sup> Beliau meninggal pada tahun 1964M. dan kepimpinan tarekat telah diserahkan kepada adiknya Haji Abdul Rasyid yang dilahirkan pada tahun 1918M. di Kampung Ampangan, Seremban. Semasa di tanah air, beliau mendapat pendidikan secara formal di sekolah Melayu dan secara tidak formal dari abangnya Haji Abdullah serta Haji Ahmad. Selanjutnya, beliau telah ke Mekah, Madinah dan Syria untuk menuntut ilmu agama. Setelah pulang ke tanah air, Haji Abdul Rasyid menetap di Singapura dan melantik adiknya Haji Muhammad Nur sebagai wakilnya di Negeri Sembilan. Haji Abdul Rasyid terkenal sebagai pemimpin tarekat yang aktif dan beliau dikatakan telah memperkembangkan tarekat tersebut ke beberapa tempat seperti Masjid Tanah, Melaka, Petaling Jaya, Selangor, Tanah Data, Rembau, Johor dan juga Brunei.<sup>50</sup> Pada tahun 1984M., wakilnya Haji Muhammad Nur meninggal dunia dan Haji Abdul Rasyid telah menggantikannya dengan adik bongsunya iaitu Haji Abdul Hamid. Apabila Haji Abdul Rashid telah meninggal dunia pada tahun 1992, kepimpinan tarekat tersebut telah berpindah kepada Haji Abdul Hamid.<sup>51</sup> Selepas

---

<sup>47</sup> *Ibid.*, hlm. 5.

<sup>48</sup> *Ibid.*, hlm. 6.

<sup>49</sup> *Ibid.*, hlm. 8.

<sup>50</sup> Mustafa Tambi Chik, "Biodata," *Aurad Tariqat Ahmadiyah Idrisiyyah*, Malaysia Press Sdn. Bhd., Singapura, 1985, hlm. A-F.

<sup>51</sup> Haji Abdul Hamid merupakan pimpinan Tarekat Ahmadiyah di Negeri Sembilan yang pertama melibatkan diri dalam politik di mana beliau telah memenangi kerusi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) bagi kawasan Rantau pada tarikh 24hb Ogos 1974 sehingga 28 Mac 1984.

beliau kepimpinan tarekat telah diturunkan kepada anak saudaranya Haji Muhammad Faiz yang sehingga kini masih menerajui kepimpinan tarekat tersebut.

Apa yang dapat disimpulkan bahawa anak-anak dan cucu Haji Muhammad Sa'id telah memainkan peranan yang amat penting dalam memastikan kesinambungan tarekat tersebut serta menyebarkan-luaskannya ke negeri-negeri lain. Secara tidak langsung, usaha yang dilakukan oleh Haji Muhammad Sa'id terus diperkembangkan walaupun beliau telah pun lama meninggal dunia.

### AMALAN ASASI HAJI MUHAMMAD SA'ID

Haji Muhammad Sa'id terkenal sebagai seorang yang banyak melaksanakan amal ibadah sepanjang hayatnya. Terdapat pelbagai jenis amalan zikir yang dipraktisnyanya termasuk *awrād* Tarekat Ahmadiyah yang disusun oleh Sheikh Ahmad ibn Idris, pelopor tarekat tersebut.<sup>52</sup> *Awrād* ini merupakan zikir asasi yang perlu diamalkan oleh pengikut Tarekat Ahmadiyah secara konsisten. Malahan mereka berpendapat, pencapaian rohani dalam perjalanan kesufian hanya akan dapat dicapai apabila ada kesungguhan dan komitmen seseorang dalam mengamalkan *awrād* ini. Walau bagaimanapun, bagi mendapat kesan kerohanian yang lebih cepat, maka zikir-zikir lain diamalkan oleh seseorang pengikut tarekat tersebut. Haji Muhammad Sa'id mengamalkan *awrād* asasi Tarekat Ahmadiyah yang terdiri daripada empat jenis iaitu:

#### i. *Fātihah al-Awrād*

Zikir asas yang pertama iaitu *Fātihah al-Awrād* yang bermaksud "permulaan semua wirid" yang dibaca setiap kali berzikir dan ketika memulakan sesuatu pekerjaan seperti solat, membaca, menulis dan lain-lain lagi. Lafaznya ialah:

اللهم إني أقدم إليك بين يدي كل نفس وخلق وطرفة ي طرف بما أهل  
السموات والأرض وكل شيء هو في علمك كائن أو كان أقدم إليك بين  
ذلك كله.

---

<sup>52</sup> Lihat perbincangan tentang beliau dalam Che Zarrina Sa'ari, "Biografi Shaikh Ahmad b. Idris dan Sumbangannya Terhadap Alam Kesufian," *Jurnal AFKAR*, Bil. 1, Jun 2000, hlm. 33-54.

Haji Muhammad Sa'id: Amalan dan Sumbangannya Dalam Perkembangan Tarekat Ahmadiyyah

Bermaksud:

Ya Allah, sesungguhnya aku persembahkan kepadaMu di hadapan setiap nafas dan setiap kerlipan pandangan dan setiap kerlipan yang mengerlip dengannya oleh penghuni segala langit dan penghuni bumi dan setiap sesuatu yang ada di dalam pengetahuanMu yang tetap ada atau sesungguhnya telah ada. Aku mempersembahkan kepadaMu di hadapan itu semua.

Sheikh Ahmad ibn Idrīs amat menggalakkan pengikut-pengikutnya supaya sentiasa berusaha mendapatkan kelebihan *Fātiḥah al-Awrād* dengan mendahului setiap amalan dengan membaca wirid ini terlebih dahulu, malahan beliau sering membacanya sebelum menunaikan solat.<sup>53</sup>

ii. *Tahlīl*

Zikir asas yang kedua ialah *tahlīl*:

لا إله إلا الله محمد رسول الله في كل شئة ونفس عدد ما وسعه علم الله

Bermaksud:

Tiada Tuhan melainkan Allah, Muḥammad Rasulullah pada setiap kerlipan mata dan nafas sebanyak bilangan luasnya ilmu Allah.

Wirid ini dikatakan mempunyai banyak kelebihannya sehingga Sheikh Ahmad ibn Idrīs telah menerangkan kelebihannya dengan berkata bahawa sekiranya seseorang hamba Allah mengucapkan *tahlīl* ini sebanyak tiga kali, malahan satu riwayat menyebutnya hanya sekali sahaja, maka pahala orang yang membacanya teramat banyak.<sup>54</sup>

iii. *Ṣalawāt al-'Aẓīmiyyah*

Zikir asas yang ketiga ialah *ṣalawāt al-'aẓīmiyyah* yang juga dikatakan mempunyai banyak kelebihan. Lafaznya adalah seperti berikut:

<sup>53</sup> Ahmad bin Muhammad Sa'id, *al-Fuyūḍāt al-Aḥmadiyyah*, Singapura, 1356H., hlm. 3. Apabila *Fātiḥah al-Awrād* dibaca bersama ayat al-Kursī, maka pembacanya akan mendapat pahala yang tidak terhingga banyaknya. Lihat *Idem*, *Awrād al-Tariqat al-Aḥmadiyyah Dan Kelebihannya*, TKI, Seremban, hlm. 4. Dan apabila dibaca kedua-duanya selepas solat lima waktu, maka siang dan malamnya tidak akan terlepas dari 70,000 kebajikan sehinggalah ditiup sangka kala, *Ibid.*, hlm. 5.

<sup>54</sup> *Al-Ma'āthir*, hlm. 45. Lihat *Awrād*, hlm. 6. *Al-Aḥzāb*, hlm. 16.

اللهم إني أسئلك بنور وجه الله العظيم. الذي ملاً أركان عرش الله العظيم.  
وقامت به عوالم الله العظيم. أن تصلى على مولانا محمد ذى القدر العظيم.  
وعلى آل نبي الله العظيم. بقدر عظمة ذات الله العظيم. في كل لحة ونفَس  
عدد ما في علم الله العظيم. صلاة دائمة بدوام الله العظيم. تعظيماً لحقك يا  
مولانا يا محمد يا ذا الخلق العظيم. وسلم عليه وعلى آله مثل ذلك. واجمع  
بيني وبينه كما جمعت بين الروح والنفس ظاهراً وباطناً يقظة ومناماً واجعله يا  
رب روحاً لذاتي من جميع الوجوه في الدنيا قبل الآخرة يا عظيم.

Bermaksud:

Ya Allah, sesungguhnya aku memohon kepadaMu dengan cahaya wajah Allah yang Maha Agung yang memenuhi segenap penjuru 'arash Allah yang Maha Besar dan tegak denganNya segala alam, Allah yang Maha Besar. Semoga Engkau rahmati ke atas penghulu kami Muhammad yang mempunyai darjat yang maha besar dan atas keluarga nabi Allah yang maha Besar dengan kadar kebesaran zat Allah yang Maha Besar pada setiap kerlipan mata dan nafas dan sebilangan barang yang ada pada ilmu Allah yang Maha Besar, sebagai selawat yang berkekalan dengan kekalnya Allah yang Maha Besar kerana membesarkan bagi hak wahai tuan penghulu. Wahai penghulu kami, wahai Muhammad, wahai orang yang mempunyai akhlak yang maha besar. Dan Allah mensejahterakan ke atasnya dan demikian juga ke atas keluarganya. [Ya Allah], himpunkanlah aku dan dia [Muhammad] sepertimana Engkau himpunkan antara roh dan jasad, pada zahir dan batin, pada keadaan jaga dan tidur dan jadikanlah ia [Muhammad] wahai Tuhan, roh bagi zatku dari segenap jalan di dunia sebelum hari akhirat, wahai Tuhan yang Maha Besar.

Sheikh Muhammad ibn Ahmad al-Dandarāwī dari Mesir, peneraju Tarekat Ahmadiyah yang ketiga menjelaskan kelebihan *ṣalawāt al-'azīmiyyah* dengan katanya:

Hendaklah kamu lancarkan *ṣalawat* yang mulia ini seperti kamu membaca al-Fātiḥah, kerana orang yang menghafaz *ṣalawat* ini apabila mati, diluaskan kuburnya seluas antara langit dan bumi, dibentangkan padanya beberapa

Haji Muhammad Sa'id: Amalan dan Sumbangannya Dalam Perkembangan Tarekat Ahmadiyah hampan syurga dan diterangkan kuburnya hingga hari kiamat".<sup>55</sup>

iv. *Al-Istighfār al-Kabīr*

Zikir asas keempat ialah *al-istighfār al-kabīr*. Lafaznya adalah seperti berikut:

أستغفر الله العظيم الذى لا إله إلا هو الحى القيوم. غفار الذنوب ذا الجلال  
والإكرام. وأتوب إليه من جميع المعاصى كلها والذنوب والآثام. ومن كل  
ذنب أذنبته عمدا وخطأ ظاهرا وباطنا قولاً وفعلاً. فى جميع حركاتى وسكناتى  
وخطراتى وأنفاسى كلها دائماً أبداً سرمداً. من الذنب الذى أعلم ومن  
الذنب الذى لا أعلم. عدد ما أخاط به العلم وأحصاه الكتاب وخطه القلم.  
وعدد ما أوجدته القدرة وخصصته الإرادة. ومداد كلمات الله كما ينبغى  
لجلال وجه ربنا وجماله وكماله. وكما يحب ربنا ويرضى.

Bermaksud:

Aku memohon keampunan kepada Allah yang Maha Besar yang tiada Tuhan melainkan Dia yang hidup dan yang berdiri. Maha mengampuni segala dosa, mempunyai sifat kebesaran dan kemuliaan. Aku bertaubat kepadaNya dari segala maksiat, dosa dan kesalahan. Dan dari kesemua dosa yang telah aku lakukan secara sengaja atau tersalah, sama ada zahir mahupun batin [yang berbentuk] kata-kata dan perbuatan, seluruh gerak geriku, diamku, lantasan hatiku dan nafasku semuanya sentiasa berkekalan selama-lamanya. Dari dosa yang aku ketahui dan juga dosa yang tidak aku ketahui. Sebilangan apa yang diliputi dengannya oleh ilmu Allah dan yang dicatat dalam kitab. Dan yang digariskanNya oleh Qalamnya. Dan sebilangan apa yang diadakanNya oleh kekuasaanNya dan ditentukanNya oleh kehendakNya. Dan sebanyak dakwat kalimah Allah. Sepertimana layakNya bagi sifat *Jalāl* bagi Tuhan kami dan *Jamāl*Nya dan *Kamāl*Nya. Dan sebagaimana yang dikasihi oleh Tuhan kami dan Dia redai.

Nama *al-istighfār al-kabīr* ini bersesuaian diberikan kepada *istighfār* tersebut kerana ia dikatakan mengandungi himpunan makna-makna *istighfār* yang lain.<sup>56</sup>

<sup>55</sup> *Ibid*, hlm. 16.

<sup>56</sup> *Al-Maāthir*, hlm. 56. *Awrad*, hlm. 18.

Pengikut-pengikut tarekat ini dianjurkan supaya membacanya setiap kali selepas menunaikan solat fardu lima kali sehari.<sup>57</sup>

## **KESIMPULAN**

Haji Muhammad Sa'id al-Linggi merupakan seorang tokoh tanah air dalam bidang tasawuf yang berjaya menyebarkan ajaran Tarekat Ahmadiyah yang berkembang pesat di Mekah pada suatu ketika dahulu dan kini mempunyai ramai pengikut di seluruh negara Islam dan bukan Islam terutamanya di Mesir, Syria, Maghribi dan lain-lain lagi. Atas hasil usaha beliau banyak cawangan-cawangan Tarekat Ahmadiyah telah dibuka di seluruh Malaysia terutamanya di Negeri Sembilan termasuk Melaka, Kelantan, Johor, Selangor, Terengganu dan lain-lain lagi. Ia turut diperkenalkan di Singapura, Brunei dan Thailand. Sehingga ke hari ini hasil peninggalan Haji Muhammad Sa'id ini masih dipelajari, dihayati dan diamalkan oleh pengikut-pengikutnya. Malahan ianya telah membuka peluang kepada ramai pengkaji untuk terus mengkaji, menyelidiki dan menulis tentang amalan tersebut sama ada dalam bentuk ilmiah mahupun tidak.

---

<sup>57</sup> *Ibid.*, hlm. 39